

# AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan



## Laporan Prestasi

Pada 30 November 2017



# KANDUNGAN

---

Mesej Ketua Pegawai Eksekutif	01 - 02
Tinjauan pasaran bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 19
Butiran Pelaburan	20 - 27
Kenyataan Pengurus	28
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	29 - 32
Penyata Aset dan Liabiliti	33 - 34
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	35
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	36
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	37 - 40

CEO's Message	41 - 42
Market review for the financial year ended 30 November 2017	43 - 46
Comparative Performance Table	47 - 59
Details of Investments	60 - 67
Statement by Manager	68
Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	69 - 72
Statement of Assets and Liabilities	73- 74
Statement of Income and Expenditure	75
Statement of Changes in Net Asset Value	76
Notes to the Financial Information	77 - 80

# MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Peserta-peserta Yang Dihargai,

## Ulaskan Pasaran

Dalam tempoh yang dikaji, Indeks FBM Emas Syariah meningkat 8.6% - ini adalah peningkatan pertama selepas mengalami penyusutan tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, pulangan yang dicapai adalah jauh lebih rendah berbanding Indeks MSCI Asia Ex Japan yang meningkat 21.1% dalam Ringgit Malaysia ("MYR"). Indeks Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("GII") naik 5.3%.

Tahun 2017 bermula dengan positif di pasaran global, sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan Pelaksanaan dasar-dasar reflasi oleh Presiden Amerika Syarikat ("AS") Donald Trump. Walau bagaimanapun, Presiden Trump tidak melaksanakan langkah-langkah anti-perdagangan yang dijanjikan olehnya semasa kempen pilihan rayanya.

Minat daripada para pelabur asing dan tempatan mula meningkat pada awal tahun 2017. Ini adalah disebabkan oleh jangkaan pemulihan pendapatan dan harapan bahawa China akan menjadi pelabur utama di Malaysia, berikutan pelancaran hub pengedaran serantau Kumpulan Alibaba oleh Jack Ma dan pelaksanaan projek Bandar Malaysia. Walau bagaimanapun, sentimen ini bertukar suram pada pertengahan tahun 2017 berikutan pembatalan usaha sama Bandar Malaysia bersama China Railway dan Iskandar Waterfront.

Walaupun separuh masa pertama tahun 2017 mengalami perkembangan kukuh, namun beberapa rintangan muncul pada separuh kedua tahun tersebut, termasuk pengetatan kawalan modal China, pemutusan hubungan Arab Saudi, UAE, Mesir dan Bahrain dengan Qatar dan ketegangan yang semakin meningkat dengan Korea Utara.

Momentum pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") tempatan lebih kukuh daripada jangkaan dengan pertumbuhan KDNK suku kedua 2017 dan suku ketiga 2017 masing-masing mencatatkan pertumbuhan 5.8% tahun ke tahun ("yoy") dan 6.2% yoy. Walaupun ini adalah pertumbuhan paling memberangsangkan sejak suku kedua tahun 2014, perolehan korporat kekal tidak menggalakkan. Walau bagaimanapun, pemulihan harga komoditi, pengukuhan mata wang Asia dan aliran masuk portfolio berisiko membawakan pulangan positif dan mengukuhkan pasaran Malaysia.

Bagi Pasaran Pendapatan Tetap, pasaran sukuk kerajaan Malaysia mengalami peningkatan selepas mengalami kerugian yang mendadak selepas pilihan raya presiden AS pada November 2016. Secara keseluruhannya, sentimen meningkat pada tahun kewangan 2017 ekoran sesetengah pelabur asing yang kembali dan menunjukkan minat terhadap sukuk kerajaan Malaysia, bersandarkan pemulihan MYR dan penstabilan harga minyak mentah. Pegangan asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan GII meningkat dari paras terendah 25.8% pada bulan Mac 2017 kepada 28.4% pada bulan November 2017, masih lebih rendah daripada 33.2% yang dicatatkan pada bulan November 2016.

## Prestasi

Kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Dana-dana kami telah mencatatkan keputusan yang memberangsangkan bagi tahun 2017. Dana A-Dana Income telah menunjukkan prestasi yang baik, dengan pulangan sebanyak 5.02% berbanding dengan penanda arasnya sebanyak 3.42%. Prestasi positif Dana disebabkan oleh pulangan daripada pendapatan keuntungan yang tinggi serta kemampuan spread kredit. Begitu juga dengan prestasi Dana A-Dana Equity yang telah mencatatkan pulangan sebanyak 9.59% berbanding dengan penanda arasnya sebanyak 8.29%. Manakala Dana A-Dana Balanced pula telah mencatatkan pulangan sebanyak 7.73% berbanding dengan pulangan penanda arasnya iaitu sebanyak 7.61%.

# MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

## Tinjauan

Menghadapi tahun 2018, kami optimis dan berwaspada dengan prospek pasaran saham tempatan. Unjuran ke atas ekonomi domestik dan perolehan korporat kekal kukuh, disokong oleh perbelanjaan infrastruktur secara besar-besaran, pengukuhan prestasi MYR serta komoditi. Namun begitu, tahap risiko pelabur mungkin berkurangan berikutan kesan kumulatif kenaikan kadar faedah Federal Reserve AS ("Fed") dan kesan balikan pelonggaran kuantitatif. Di samping itu, kebanyakan indeks di seluruh dunia didagangkan pada paras tertinggi yang menyebabkan penilaian kekal pada tahap tinggi. Oleh itu, kami menjangkakan ketidaktentuan pasaran pada tahun ini, kerana itu kami akan terus berwaspada terhadap keadaan pasaran dan akan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya.

Pasaran sukuk kini telah memasuki fasa kelemahannya, di mana para peserta pasaran mula memperkukuhkan kedudukan bagi menghadapi pengetatan dasar monetari di seluruh dunia. Di Malaysia, walaupun Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 3%, namun pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") pada November 2017, ia telah memberi isyarat kemungkinan perubahan di dalam pendirian MPC dari akomodatif ke arah pro-pertumbuhan sejak krisis kewangan global.

Menjelang 3 bulan yang akan datang, kami menjangkakan pasaran akan terus tidak stabil ekoran tekanan penurunan harga disebabkan oleh kebimbangan berkaitan inflasi dan persekitaran pertumbuhan yang kukuh. Kami menjangkakan hanya satu kenaikan kadar pada tahun 2018, dan kami percaya ianya akan ditentukan di salah satu daripada beberapa mesyuarat MPC pada awal tahun 2018. Kenaikan kadar ini akan membawa OPR kepada 3.25%, iaitu perbezaan 25 mata asas (bps) berbanding dengan tahap pra-krisis iaitu 3.50%. Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa penjualan dalam pasaran sukuk tempatan pada akhir tahun 2017 telah mengambil kira kemungkinan kenaikan kadar ini.

Kami mengucapkan terima kasih sekali lagi atas kepercayaan anda terhadap kami. Pasukan pelaburan kami yang profesional dan berkepercayaan menggunakan kaedah pelaburan yang kukuh dan terbukti serta disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh, dan dengan itu kami memberi jaminan kepada anda bahawa kami akan terus melaburkan wang anda secara berhemat bagi mencapai pulangan yang terbaik.

Salam sejahtera dan semoga berjaya dalam tahun 2018.

Yang benar,



**Elmie Aman Najas**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

# TINJAUAN PASARAN

## TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

#### Tinjauan Pasaran

Bagi tempoh kewangan berakhir pada 30 November 2017, Indeks FBM Emas Syariah meningkat sebanyak 8.6%, menandakan peningkatan pertama selepas penurunan tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, pulangan yang dicapai adalah jauh lebih rendah berbanding dengan MSCI Asia Ex Japan, yang meningkat sebanyak 21.1% dalam MYR.

Tahun 2017 bermula dengan positif di pasaran global, sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan pelaksanaan dasar-dasar reflasi oleh Presiden AS Donald Trump. Walau bagaimanapun, Presiden Trump tidak melaksanakan langkah-langkah anti-perdagangan yang dijanjikan olehnya semasa kempen pilihan rayanya.

Minat daripada para pelabur asing dan tempatan mula meningkat pada awal tahun ini. Ini adalah disebabkan oleh jangkaan pemulihan pendapatan dan harapan bahawa China akan menjadi pelabur utama di Malaysia, berikutan pelancaran hub pengedaran serantau Kumpulan Alibaba oleh Jack Ma dan pelaksanaan projek Bandar Malaysia. Walau bagaimanapun, sentimen ini bertukar suram pada pertengahan tahun 2017 berikutan pembatalan usaha sama Bandar Malaysia bersama China Railway dan Iskandar Waterfront.

Walaupun separuh masa pertama tahun 2017 mengalami perkembangan kukuh, namun beberapa rintangan muncul pada separuh kedua tahun tersebut. Di peringkat global, ini merangkumi isu:

- Arab Saudi, UAE, Mesir dan Bahrain memutuskan hubungan dengan Qatar;
- Satu pilihan raya kilat di UK yang menyebabkan parlimen tergantung;
- China mengetatkan kawalan modalnya; dan
- Ketegangan dengan Korea Utara.

Momentum pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") tempatan lebih kukuh daripada jangkaan dengan pertumbuhan KDNK suku kedua 2017 dan suku ketiga 2017 masing-masing mencatatkan pertumbuhan 5.8% yoy dan 6.2% yoy - pertumbuhan paling memberangsangkan sejak suku kedua tahun 2014, Namun begitu, perolehan korporat kekal tidak menggalakkan.

Walaupun bagaimanapun, pemulihan harga komoditi, pengukuhan mata wang Asia dan aliran masuk portfolio berisiko ke dalam Malaysia, mengukuhkan lagi pulangan pasaran.

#### Unjuran Pasaran

Menghadapi tahun 2018, kami optimis dan berwaspada dengan prospek pasaran saham. Unjuran ke atas ekonomi domestik dan perolehan korporat kekal kukuh, disokong oleh perbelanjaan infrastruktur secara besaran, pengukuhan prestasi MYR serta komoditi.

Namun begitu, keinginan risiko pelabur mungkin menyusut ekoran kesan kumulatif kenaikan kadar faedah Fed dan kesan songsang pelonggaran kuantitatif. Di samping itu, kebanyakan indeks di seluruh dunia didagangkan pada paras tertinggi yang menyebabkan penilaian kekal pada tahap tinggi. Oleh itu, kami menjangkakan ketidaktentuan pasaran pada tahun ini, kerana itu kami akan terus berwaspada terhadap keadaan pasaran dan akan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya.

# TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

## TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017 (SAMB.)

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

#### Peluang

- Kami menjangkakan bahawa pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega kerajaan, serta kedayaan perbelanjaan pengguna seiring dengan kenaikan gaji kakitangan awam dan pemberian BR1M, akan mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada tahap lebih daripada 5.0%.
- Peningkatan dalam dasar asas makroekonomi, berserta kenaikan pertumbuhan global dari 3.6% kepada 3.7% pada tahun 2018. Pertumbuhan KDNK di Malaysia dijangka pada tahap 5.2% pada tahun 2018 berbanding 5.3% pada tahun 2017.
- Pertumbuhan perolehan di antara 6% - 8% bagi tahun 2018, menyamai pertumbuhan tahun 2017.
- Kami menjangkakan harga minyak kekal tinggi pada tahun 2018 didorong oleh pengurangan pengeluaran oleh ahli-ahli OPEC dan ahli-ahli bukan OPEC sehingga Disember 2018, diiringi oleh peningkatan dalam permintaan.
- MYR seharusnya meningkat lebih tinggi memandangkan kelemahan Dolar AS ("USD"), harga minyak juga kekal tinggi, pengurangan MGS yang matang berbanding tahun sebelumnya, peningkatan lebihan akaun semasa dan rizab.
- Pada tahun 2017, Malaysia tertinggal di pasaran serantau dan oleh itu penilaian premium berbanding dengan pasaran serantau telah menurun.
- Dari segi sejarah, penilaian pasaran Malaysia adalah rendah.

#### Kebimbangan

- Kejatuhan dalam perolehan tempatan.
- Risiko pelaksanaan dasar fiskal reflasi Presiden Trump.
- Penyiasatan AS ke dalam kempen pilihan raya Presiden Trump yang melibatkan Rusia.
- Potensi pengenalan dasar anti-perdagangan pentadbiran Presiden Trump.
- Harga minyak jatuh di bawah USD50/setong untuk tempoh yang berpanjangan.
- Pelaksanaan pengetatan kewangan yang lebih cepat daripada jangkaan.
- Risiko geopolitik berpunca daripada Korea Utara dan Timur Tengah.
- Peningkatan penilaian pasaran global.

# TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

## TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017 (SAMB.)

### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

#### Tinjauan Pasaran

Setelah pada mulanya mengalami kerugian yang curam selepas pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada November 2016, pasaran sukuk kerajaan Malaysia seterusnya mula mengorak langkah. Pada separuh pertama tahun kewangan yang berakhir pada November 2017, hasil menyusut sebanyak 10bps kepada 55bps seiring dengan kehilangan keyakinan terhadap manifesto pilihan raya AS.

Menjelang separuh kedua tahun kewangan 2017, harga sukuk kerajaan Malaysia menyusut seiring dengan peningkatan hasil sebanyak 2bps kepada 16bps secara menyeluruh, berikutan kerugian dalam pasaran global. Ini sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan pengetatan Fed di samping berwaspada menjelang pembaharuan dasar-dasar cukai Presiden Trump.

Secara keseluruhannya, sentimen meningkat pada tahun kewangan 2017 ekoran sesetengah pelabur asing yang kembali dan menunjukkan minat terhadap sukuk kerajaan Malaysia, bersandarkan pemulihan MYR dan penstabilan harga minyak mentah. Pegangan asing di dalam MGS dan GII meningkat dari paras terendah 25.8% pada bulan Mac 2017 kepada 28.4% pada bulan November 2017 (berbanding 33.2% pada bulan November 2016).

#### Unjuran Pasaran

Pasaran sukuk kini telah memasuki fasa kelemahannya, di mana para peserta pasaran mula memperteguhkan kedudukan bagi menghadapi pengetatan dasar monetari di seluruh dunia. Di Malaysia, BNM mengekalkan OPR pada 3% pada mesyuarat MPC pada November 2017, ini mencerminkan kemungkinan perubahan di dalam pendirian MPC dari akomodatif ke arah pertumbuhan sejak krisis kewangan global. Pasaran sukuk tempatan telah bertindak secara negatif terhadap kemungkinan peralihan pendirian monetari, di mana hasil sukuk kerajaan jangka panjang meningkat daripada 13bps kepada 17bps dalam 3 bulan terakhir.

Dalam tempoh 3 bulan yang akan datang, sekiranya tidak berlaku perkara yang luar biasa di dalam sistem kewangan global, kami menjangkakan pasaran akan terus tidak stabil berikutan tekanan penurunan harga. Belanjawan pro-pengguna kerajaan 2018 mungkin menimbulkan risiko, di mana peningkatan pembelian yang luar biasa mungkin menjejaskan harga teras barangan. Namun begitu, normalisasi kadar domestik boleh berlaku sekiranya trajektori pertumbuhan yang dialami pada suku keempat tahun 2017 kekal berterusan.

Berdasarkan unjuran ini, kami menjangkakan hanya satu kenaikan kadar pada tahun 2018, dan kami percaya ianya akan ditentukan di salah satu daripada beberapa mesyuarat MPC pada awal tahun 2018. Kenaikan kadar ini akan membawa OPR kepada 3.25%, iaitu perbezaan 25bps berbanding dengan tahap pra-krisis iaitu 3.50%. Kami percaya bahawa penjualan dalam pasaran sukuk tempatan pada akhir tahun 2017 telah mengambil kira kemungkinan kenaikan kadar ini.



# TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

## TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017 (SAMB.)

### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

#### Peluang

- Kerajaan Malaysia tetap komited terhadap penyatuan fiskal, dengan sasaran defisit belanjawan diukur dalam peratusan kepada KDNK dijangka bertambah baik daripada 3.0% pada tahun 2017 kepada 2.8% pada tahun 2018. Defisit belanjawan yang lebih tirus mengukuhkan struktur fiskal, yang seharusnya mengurangkan tekanan terhadap penarafan kredit negara dan berpotensi berubah kepada kredit positif dalam jangka masa panjang.
- Penyatuan fiskal yang berterusan dan pertumbuhan KDNK yang kukuh seharusnya meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap sukuk Malaysia.

#### Kebimbangan


- Kemungkinan Fed mengguna-pakai pendekatan pengetatan kadar faedah yang lebih agresif daripada apa yang dijangkakan, yang mengakibatkan perbezaan hasil yang lebih tirus di antara Perbendaharaan AS dan sukuk kerajaan Malaysia. Ini boleh mengurangkan daya tarikan sukuk tempatan kepada pelabur luar pesisir.
- Peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin meningkatkan tahap risiko tempatan, yang mungkin menjejaskan kelas aset selamat seperti sukuk. Walau bagaimanapun, kelemahan dalam pasaran sukuk baru-baru ini telah mengambil kira prospek pertumbuhan yang lebih mantap bagi Malaysia.
- Kelemahan dalam pasaran sukuk tempatan mungkin berlanjutan sekiranya BNM menetapkan kitaran pengetatan monetari yang panjang, dengan lebih daripada satu kenaikan kadar pada tahun 2018 sekiranya inflasi teras dan pertumbuhan KDNK adalah lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Bagaimanapun, ini bukan tanggapan asas kami pada masa ini. Walaupun tinjauan KDNK kekal teguh dan menyeluruh, pertumbuhan KDNK sebenar berkemungkinan menyusut kepada 5.0-5.5% pada tahun 2018 berbanding 5.2-5.7% pada tahun 2017 berdasarkan ramalan rasmi. Walaupun perbezaan nisbah hutang isi rumah kepada KDNK yang tinggi, ianya secara beransur-ansur telah bertambah baik, daripada tahap tertinggi 88.3% pada tahun 2016 kepada 85.6% pada suku kedua 2017 (suku pertama 2017: 86.7%). Ini menunjukkan bahawa kenaikan kadar hanya sekali mungkin mencukupi untuk mengekalkan kestabilan harga tanpa mengatasi langkah-langkah pro-pertumbuhan kerajaan.
- Aliran dana dalam pasaran sukuk bergantung kepada prospek MYR. Sekiranya prospek mata wang kurang menggalakkan, ini berpotensi mengurangkan aliran dana.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

## 01. DANA A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2017, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan 5.02% berbanding penanda aras 3.42%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 4.43% berbanding penanda aras 3.42%.

### Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 17 – Nov 17	Nov 16 – Nov 17	Nov 14 – Nov 17	Nov 12 – Nov 17	Mac 11 – Nov 17
A-Dana Income	0.30%	5.02%	4.04%	3.65%	4.43%
Indeks*	0.27%	3.42%	3.65%	3.49%	3.42%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.03%	1.60%	0.39%	0.16%	1.01%

\* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Am (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

### Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

#### Positif

- Prestasi positif Dana disumbangkan oleh pulangan daripada pendapatan keuntungan tinggi serta kemampuan spread kredit.

#### Negatif

- Kedudukan ber wajaran rendah Dana dalam sukuk kerajaan telah menjejaskan prestasinya.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

### Apakah strategi masa depan?


Dari segi sejarah, sukuk tempatan lebih cenderung bertindak balas secara negatif sebelum sesuatu kenaikan kadar dasar. Seterusnya sukuk biasanya kembali stabil. Oleh itu, kami menjangkakan tindak balas yang sama menjelang potensi kenaikan kadar seterusnya. Jika sukuk bertindak balas secara negatif, kami percaya ini adalah peluang yang baik untuk membeli sukuk berhasil tinggi bagi meningkatkan hasil portfolio.

Kami berhasrat untuk memanjangkan tempoh portfolio secara beransur-ansur sekiranya harga sukuk semakin lemah dengan keadaan kredit yang stabil, peruntukan aset kami lebih memihak terhadap sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi penambahan hasil.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

Pengurus Dana akan terus memberi tumpuan terhadap tahap perolehan dan pulangan yang tinggi dengan memilih sukuk berkualiti baik. Kami juga akan mengekalkan portfolio sukuk korporat dan kerajaan yang pelbagai bagi mengurus risiko dengan lebih baik.

### Peruntukan Sektor Dana A-Dana Income pada 30 November 2017



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

### Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2017	2016	2015	2014	2013
Tunai & Setara Tunai	5%	5%	17%	3%	5%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	5%	11%	5%	4%	-
Elektrik, Gas & Air	15%	21%	11%	22%	31%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	23%	40%	41%	35%	31%
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	31%	18%	10%	16%	14%
Pembinaan	21%	5%	16%	20%	19%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (NAV)


	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013
Jumlah NAV (RM)	32,431,004	25,288,703	20,032,402	14,639,380	12,892,832
Bilangan Unit-unit	48,368,712	39,626,245	32,668,233	24,566,372	22,357,076
NAV/Unit (RM)	0.670	0.638	0.613	0.595	0.577
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.671	0.691	0.613	0.595	0.578
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.638	0.612	0.594	0.576	0.559
Cukai (%)	8	8	8	8	8

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 02. DANA A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2017, berdasarkan asas bersih, Dana telah memberikan pulangan 9.59% berbanding dengan penanda aras 8.29%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 6.27% berbanding penanda aras 3.90%.

### Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 17 – Nov 17	Nov 16 – Nov 17	Nov 14 – Nov 17	Nov 12 – Nov 17	Mac 11 – Nov 17
A-Dana Equity	-1.69%	9.59%	1.98%	6.63%	6.27%
Indeks*	-1.17%	8.29%	-0.10%	3.48%	3.90%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.52%	1.30%	2.08%	3.15%	2.37%

\* 95% FBM Emas Syariah (Sumber: Bursa Malaysia) + 5% 1 Bulan KLIBOR (Sumber: Bank Negara Malaysia)  
 Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

### Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

#### Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor teknologi.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna dan pelaburan.
- Pemilihan stok di dalam sektor pembinaan, minyak & gas dan semikonduktor

#### Negatif

- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengilangan.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor perbankan Islam.
- Pemilihan stok di dalam sektor konglomerat, hartanah dan pengilangan.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

### Apakah strategi masa depan?


Kami optimis dan berwaspada dengan prospek pasaran pada tahun 2018, tetapi kami menjangkakan ketidaktentuan pasaran akan meningkat. Kami mengharapkan tema-tema berikut akan berprestasi baik pada tahun 2018:

- Peningkatan perbelanjaan infrastruktur mega dan kenaikan MYR seharusnya membawakan manfaat kepada sektor pembinaan dan bahan binaan.
- Sektor pengangkutan seharusnya mendapat manfaat daripada peningkatan e-dagang dan pelancongan.
- Sektor minyak & gas, terutamanya Pengeluaran Penyimpanan dan Pemindahan Terapung (FPSO), dijangka akan mendapat manfaat daripada pemulihan harga minyak, yang seharusnya meningkatkan perbelanjaan modal oleh syarikat-syarikat minyak & gas utama.
- Kami lebih memihak kepada saham ekonomi dan teknologi baru kerana kami menjangkakan industri tersebut akan mendapat manfaat daripada revolusi Internet dan penggunaan telefon bimbit.
- Syarikat-syarikat yang mempunyai strategi korporat utama yang boleh mencungkil potensi terpendam dan mentransformasi perniagaan dijangka akan berprestasi baik.
- Kami akan mengelakkan syarikat-syarikat dengan pertumbuhan organik yang rendah, penilaian berlebihan dan yang akan terjejas akibat kenaikan MYR.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Pengurus Dana akan terus mencari pertumbuhan jangka panjang ke atas modal dan pendapatan dengan melabur di dalam portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

### Peruntukan Sektor Dana A-Dana Equity pada 30 November 2017



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

### Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2017	2016	2015	2014	2013
Tunai & Setara Tunai	8%	16%	8%	8%	2%
Pembinaan	13%	13%	11%	7%	7%
Produk Pengguna	2%	-	1%	2%	3%
Kewangan	3%	3%	4%	2%	5%
Produk Perindustrian	12%	9%	6%	8%	9%
Syarikat Projek Infrastruktur	2%	4%	5%	7%	6%
Perladangan	9%	10%	8%	10%	8%
Hartanah	6%	5%	6%	9%	7%
Teknologi	5%	2%	4%	3%	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	40%	38%	47%	44%	51%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (NAV)


	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013
Jumlah NAV (RM)	131,382,486	66,184,515	38,428,303	25,610,101	17,804,022
Bilangan Unit-unit	174,194,551	96,068,866	53,999,001	36,012,099	27,127,605
NAV/Unit (RM)	0.754	0.688	0.712	0.711	0.656
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.775	0.721	0.762	0.730	0.656
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.690	0.631	0.637	0.651	0.537
Cukai (%)	8	8	8	8	8

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 03. DANA A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2017, berdasarkan asas bersih, Dana telah memberikan pulangan 6.46% berbanding dengan penanda aras 8.56%. Sejak pelancarannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 3.02% berbanding penanda aras 3.50%.

### Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 17 – Nov 17	Nov 16 – Nov 17	Nov 14 – Nov 17	Nov 12 – Nov 17	Feb 13 – Nov 17
A-DALI Equity	-1.03%	6.46%	0.70%	N/A	3.02%
Indeks*	-1.24%	8.56%	-0.30%	N/A	3.50%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.21%	-2.10%	1.00%	N/A	-0.48%

\* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

### Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

#### Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pembinaan dan teknologi.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna.
- Pemilihan stok di dalam sektor pembinaan, hartanah dan teknologi.

#### Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor perindustrian.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengilangan.
- Pemilihan stok di dalam sektor pengilangan.



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

### Apakah strategi masa depan?


Aliran masuk portfolio telah mendorong peningkatan MYR ke tahap 3.87 berbanding USD pada masa laporan ini, memandangkan dana asing masih berwajaran rendah di Malaysia. Harga komoditi yang kukuh juga positif bagi Malaysia. Risiko pula adalah pasaran yang lebih tidak menentu kerana pembalikan Pelonggaran Kuantitatif di pasaran negara-negara maju.

Dari segi strategi, pengurus dana lebih menyukai syarikat-syarikat bermodal tinggi yang menerima manfaat dari kenaikan harga minyak. Di samping itu, pengurus dana akan tetap berpegang kepada matlamat jangka panjang mereka, iaitu sektor-sektor pembinaan, e-dagang/logistik, pelancongan dari China, pengguna dan teknologi.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Pengurus dana akan meneruskan usaha mencari pertumbuhan modal yang konsisten bagi tempoh sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah.

### Peruntukan Sektor Dana A-DALI Equity pada 30 November 2017



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

### Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2017	2016	2015	2014	2013
Tunai & Setara Tunai	2%	4%	3%	7%	2%
Dana Mutual	98%	96%	97%	93%	98%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (NAV)


	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013
Jumlah NAV (RM)	9,030,464	7,014,279	5,002,249	1,650,694	615,762
Bilangan Unit-unit	15,648,812	12,931,255	8,908,536	2,919,861	1,111,233
NAV/Unit (RM)	0.577	0.542	0.562	0.565	0.554
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.595	0.585	0.584	0.584	0.554
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.541	0.538	0.518	0.544	0.492
Cukai (%)	8	8	8	8	8

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 04. DANA A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2017, berdasarkan asas bersih, Dana telah memberikan pulangan 7.73%% berbanding dengan penanda aras 7.61%. Sejak pelancarannya pada Ogos 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 4.29% berbanding penanda aras 3.95%.

### Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 17 – Nov 17	Nov 16 – Nov 17	Nov 14 – Nov 17	Nov 12 – Nov 17	Ogos 11 – Nov 17
A-Dana Balanced	-1.22%	7.73%	2.12%	4.84%	4.29%
Indeks*	-0.85%	7.61%	1.43%	3.25%	3.95%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.37%	0.12%	0.69%	1.59%	0.35%

\* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Terbitan Semua Pelaburan Kerajaan Malaysia (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

### Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

#### Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor teknologi.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna dan pelaburan.
- Pemilihan stok dalam sektor pembinaan, minyak & gas dan semikonduktor.

#### Negatif

- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengilangan.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor perbankan Islam.
- Pemilihan stok di dalam sektor konglomerat, hartanah dan pengilangan.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

### Apakah strategi masa depan?

Bagi pasaran ekuiti, kami optimis dan berwaspada dengan prospek pasaran pada tahun 2018, tetapi kami menjangkakan ketidaktentuan pasaran akan meningkat. Kami mengharapkan tema-tema berikut akan berprestasi baik pada tahun 2018:

- Peningkatan perbelanjaan infrastruktur mega dan kenaikan MYR seharusnya membawakan manfaat kepada sektor pembinaan dan bahan binaan.
- Sektor pengangkutan seharusnya mendapat manfaat daripada peningkatan e-dagang dan pelancongan.
- Sektor minyak & gas, terutamanya Pengeluaran Penyimpanan dan Pemindahan Terapung (FPSO), dijangka akan menerima manfaat daripada pemulihan harga minyak, yang seharusnya meningkatkan perbelanjaan modal oleh syarikat-syarikat minyak & gas utama.
- Kami lebih memihak kepada saham ekonomi dan teknologi baru kerana kami menjangkakan industri tersebut akan menerima manfaat daripada revolusi Internet dan penggunaan telefon bimbit.
- Syarikat-syarikat yang mempunyai strategi korporat utama yang boleh mencungkil potensi terpendam dan mentransformasi perniagaan dijangka akan berprestasi baik.
- Kami akan mengelakkan syarikat-syarikat dengan pertumbuhan organik yang rendah, penilaian berlebihan dan yang akan terjejas akibat kenaikan MYR.

Untuk pendapatan tetap, kami berhasrat untuk meningkatkan tempoh portfolio secara beransur-ansur sekiranya harga sukuk menyusut. Dengan keadaan kredit yang stabil, peruntukan aset kami lebih memihak terhadap sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi penambahan hasil.


### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Pengurus Dana akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, di samping meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan terus mencari pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

### Peruntukan Sektor Dana A-Dana Balanced pada 30 November 2017



### Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2017	2016	2015	2014	2013
Tunai & Setara Tunai	7%	4%	9%	4%	4%
Sekuriti Pendapatan Tetap	26%	30%	24%	29%	2%
Barangan Pengguna	2%	1%	1%	2%	3%
Produk Perindustrian	9%	7%	5%	6%	27%
Pembinaan	9%	10%	8%	5%	15%
Perdagangan/Perkhidmatan	29%	29%	34%	31%	5%
Teknologi	4%	2%	3%	2%	5%
Syarikat Projek Infrastruktur	1%	3%	3%	5%	26%
Kewangan	2%	2%	3%	2%	9%
Hartanah	4%	4%	5%	7%	4%
Perladangan	7%	8%	5%	7%	-
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

## 04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013
Jumlah NAV (RM)	19,731,289	9,956,415	8,186,104	6,415,884	6,360,646
Bilangan Unit-unit	15,133,546	8,226,093	6,591,350	5,239,800	5,437,100
NAV/Unit (RM)	1.303	1.210	1.242	1.224	1.170
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.329	1.251	1.290	1.247	1.220
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.212	1.199	1.141	1.154	1.030
Cukai (%)	8	8	8	8	8

# BUTIRAN PELABURAN

## 01. DANA A-DANA INCOME

### SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAAs	528,450	529,115	1.63%
3,400,000	BGSM MANAGEMENT SDN BERHAD	AA3	3,449,870	3,460,393	10.67%
1,000,000	CAHYA MATA SARAWAK BHD.	AA3	1,000,000	1,007,250	3.11%
5,000,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+is	5,039,000	5,023,450	15.49%
500,000	COUNTRY GARDEN HLGD CO	AA3s	500,000	500,255	1.54%
300,000	EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY SDN BHD	AAAbg	303,720	315,510	0.97%
300,000	IMTIAZ SUKUK BHD	AA2s	299,100	300,804	0.93%
2,000,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA-	2,035,300	2,126,585	6.56%
300,000	KAPAR ENERGY VENTURES	AA+is	297,180	301,554	0.93%
500,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA-is	511,850	504,150	1.55%
600,000	KONSORTIUM PROHAWK SDN BHD	AA2	599,400	604,902	1.87%
1,200,000	MALAKOFF POWER BERHAD	AA-is	1,349,640	1,305,960	4.03%
1,200,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-is	1,230,265	1,248,672	3.85%
1,000,000	PUTRAJAYA BINA SDN BHD	AAAis	1,000,000	992,330	3.06%
200,000	RHB ISLAMIC BANK	AA3	200,000	201,188	0.62%
1,300,000	SABAH CREDIT CORPORATION	AA1	1,303,770	1,317,589	4.06%
1,000,000	SAMALAJU INDUSTRIAL PORT	AA1s	1,011,640	1,023,980	3.16%
550,000	SARAWAK ENERGY BHD	AA1	557,470	555,913	1.71%
1,400,000	SIME DARBY BHD	AAis	1,461,520	1,465,870	4.52%
2,500,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA-is	2,500,000	2,493,975	7.69%
400,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUE	AA3	451,880	439,848	1.36%
1,000,000	TAQA ABU DHABI NATIONAL ENERGY LTD	NA	1,001,800	998,460	3.08%
2,500,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	2,555,825	2,575,300	7.94%
500,000	WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD	AA+is	503,800	489,340	1.51%
<b>29,150,000</b>			<b>29,691,480</b>	<b>29,782,393</b>	

### EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT\*

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,100,000	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BHD	AA2	1,147,230	1,147,850	3.54%
<b>1,100,000</b>			<b>1,147,230</b>	<b>1,147,850</b>	

# BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

## 02. DANA A-DANA EQUITY

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>PEMBINAAN</b>				
821,100	ADVANCECON HOLDINGS BHD	671,989	792,362	0.60%
2,893,800	EKOVEST BHD	2,575,481	2,763,579	2.10%
1,055,000	GAMUDA BHD	5,228,884	5,158,950	3.93%
1,477,400	IJM CORP BHD	4,949,392	4,565,166	3.47%
2,047,800	IKHMAS JAYA GROUP BHD	1,380,309	1,279,875	0.97%
650,300	MUHIKBAH ENGINEERING (M) BERHAD	1,630,829	1,820,840	1.39%
593,750	PROTASCO BHD	777,705	623,438	0.47%
<b>BARANGAN PENGGUNA</b>				
296,300	PADINI HOLDINGS BHD	1,502,259	1,496,315	1.14%
62,000	PPB GROUP BHD	1,016,613	1,032,920	0.79%
<b>KEWANGAN</b>				
673,040	BIMB HOLDINGS BHD	2,788,475	2,894,072	2.20%
427,100	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BHD	1,461,466	1,503,392	1.14%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
594,800	ANN JOO RESOURCES BHD	2,154,537	2,218,604	1.69%
321,500	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDING BHD	663,533	597,990	0.46%
483,700	CHIN WELL HOLDINGS BHD	725,575	870,660	0.66%
228,000	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BHD	1,670,430	1,753,320	1.33%
249,300	LOTTE CHEMICAL TITAN HOLDING BHD	1,637,627	1,184,175	0.90%
588,300	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	4,115,785	4,353,420	3.31%
59,400	PETRONAS GAS BHD	1,213,490	943,272	0.72%
99,200	TOP GLOVE CORP BHD	606,839	667,616	0.51%
1,069,300	VS INDUSTRY BHD	1,807,236	3,378,988	2.57%
<b>SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR</b>				
243,900	TIME DOTCOM BHD	1,745,707	2,231,685	1.70%
<b>PERLADANGAN</b>				
964,200	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	1,517,808	1,668,066	1.27%
254,200	GENTING PLANTATIONS BHD	2,741,271	2,669,100	2.03%
682,700	IOI CORP BHD	3,104,844	3,044,842	2.32%
82,500	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	1,967,040	2,011,350	1.53%
562,958	SIME DARBY PLANTATION BHD	2,986,063	2,820,420	2.15%



# BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

## 02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>HARTANAH</b>				
206,200	CRESCENDO CORP BHD	525,015	305,176	0.23%
195,157	HUA YANG BHD	257,466	118,070	0.09%
1,153,600	ISKANDAR WATERFRONT CITY BHD	2,217,372	1,488,144	1.13%
596,897	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	1,086,746	1,313,173	1.00%
787,700	MCT BHD	920,415	630,160	0.48%
562,958	SIME DARBY PROPERTY BHD	802,654	675,550	0.51%
686,000	TITIJAYA LAND BHD	1,307,087	974,120	0.74%
1,201,100	YONG TAI BHD	1,450,692	1,801,650	1.37%
<b>TEKNOLOGI</b>				
111,200	KESM INDUSTRIES BHD	1,106,613	2,166,176	1.65%
132,800	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	1,792,989	1,718,432	1.31%
441,400	UNISEM (M) BERHAD	1,734,251	1,580,212	1.20%
179,400	VITROX CORP BHD	347,928	979,524	0.75%
<b>PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN</b>				
853,122	AXIATA GROUP BHD	4,709,721	4,547,140	3.46%
837,300	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	666,984	313,988	0.24%
449,300	BERMAZ AUTO BHD	924,910	921,064	0.70%
1,315,800	CENTURY LOGISTICS HOLDINGS BHD	1,357,502	1,342,116	1.02%
1,386,130	DIALOG GROUP BHD	2,317,930	3,340,573	2.54%
533,700	GEORGE KENT (M) BHD	1,784,236	1,857,276	1.41%
1,038,300	MALAKOFF CORP BHD	1,528,304	965,619	0.73%
310,500	MAXIS BHD	1,997,769	1,841,265	1.40%
294,100	MBM RESOURCES BHD	840,997	623,492	0.47%
233,300	MISC BHD	1,780,579	1,644,765	1.25%
1,403,801	MMC CORP BHD	3,188,849	2,807,602	2.14%
2,642,200	OCK GROUP BHD	2,228,536	2,298,714	1.75%
539,200	POS MALAYSIA BHD	2,160,633	2,857,760	2.18%
418,200	PRESTARIANG BHD	497,266	593,844	0.45%
771,500	SAPURA ENERGY BHD	1,383,556	964,375	0.73%
1,372,300	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	2,350,938	4,391,360	3.34%
447,958	SIME DARBY BHD	801,947	1,052,701	0.80%
1,028,954	SUNWAY BERHAD	1,505,956	1,677,195	1.28%
889,300	TALIWORKS CORP BHD	1,277,654	951,551	0.72%
402,972	TELEKOM MALAYSIA BHD	2,600,620	2,429,921	1.85%
792,300	TENAGA NASIONAL BHD	10,685,779	12,248,958	9.32%
435,400	UEM EDGENTA BHD	1,380,373	1,153,810	0.88%
737,800	UZMA BHD	1,233,357	1,091,944	0.83%
<b>42,869,397</b>		<b>115,394,811</b>	<b>120,011,837</b>	

**BUTIRAN PELABURAN** (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****WARAN, TSR**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
30,834	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDING BHD	-	8,942	0.01%
54,018	GAMUDA BHD	13,505	63,201	0.05%
136,020	KNM GROUP BHD	-	7,481	0.01%
22,647	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	7,587	0.01%
97,645	SUNWAY BERHAD	-	56,634	0.04%
46,500	TALIWORKS CORP BHD	-	3,720	0.00%
<b>387,664</b>		<b>13,505</b>	<b>147,565</b>	

**03. DANA A-DALI EQUITY****PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
6,951,100	CIMB-PRINCIPAL ASSET MANAGEMENT PTE	9,459,520	8,807,044	97.53%
<b>6,951,100</b>		<b>9,459,520</b>	<b>8,807,044</b>	

**BUTIRAN PELABURAN** (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED****TERBITAN PELABURAN KERAJAAN**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
250,000	MALAYSIA GOVERNMENT ISSUES	251,525	254,943	1.29%
<b>250,000</b>		<b>251,525</b>	<b>254,943</b>	

**SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT**

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAAs	528,450	529,115	2.68%
800,000	BGSM MANAGEMENT SDN BERHAD	AA3	813,130	812,872	4.12%
500,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+is	503,900	502,345	2.55%
100,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA-	107,060	106,729	0.54%
300,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA-is	309,870	304,976	1.55%
300,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-is	309,330	312,168	1.58%
200,000	SIME DARBY BHD	AAis	210,580	209,410	1.06%
500,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA-is	500,000	497,440	2.52%
200,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUE	AA3	225,940	219,924	1.11%
1,000,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	1,007,520	1,010,660	5.12%
100,000	WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD	AA+is	100,760	97,868	0.50%
<b>4,500,000</b>			<b>4,616,540</b>	<b>4,603,507</b>	

**BUTIRAN PELABURAN** (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>BARANGAN PENGGUNA</b>				
6,200	PPB GROUP BHD	102,650	103,292	0.52%
37,700	PADINI HOLDINGS BHD	191,077	190,385	0.96%
<b>PEMBINAAN</b>				
101,900	ADVANCECON HOLDINGS BHD	82,634	98,334	0.50%
308,700	EKOVEST BHD	261,917	294,809	1.49%
121,000	GAMUDA BHD	591,977	591,690	3.00%
159,200	IJM CORP BHD	531,588	491,928	2.49%
228,400	IKHMAS JAYA GROUP BHD	161,496	142,750	0.72%
61,300	MUHIKBAH ENGINEERING (M) BERHAD	153,332	171,640	0.87%
63,500	PROTASCO BHD	87,901	66,675	0.34%
<b>KEWANGAN</b>				
77,060	BIMB HOLDINGS BHD	321,477	331,358	1.68%
44,600	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BHD	147,394	156,992	0.80%
<b>SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR</b>				
25,700	TIME DOTCOM BHD	178,959	235,155	1.19%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
61,400	ANN JOO RESOURCES BHD	222,320	229,022	1.16%
25,600	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDING BHD	54,208	47,616	0.24%
44,300	CHIN WELL HOLDINGS BHD	63,704	79,740	0.40%
25,500	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES	186,351	196,095	0.99%
27,500	LOTTE CHEMICAL TITAN HOLDING BHD	180,645	130,625	0.66%
61,800	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	431,914	457,320	2.32%
6,200	PETRONAS GAS BHD	125,988	98,456	0.50%
19,600	TOP GLOVE CORP BHD	122,059	131,908	0.67%
118,600	VS INDUSTRY BHD	206,916	374,776	1.90%
<b>HARTANAH</b>				
34,600	CRESCENDO CORP BHD	87,697	51,208	0.26%
23,244	HUA YANG BHD	23,890	14,063	0.07%
150,300	ISKANDAR WATERFRONT CITY BHD	271,995	193,887	0.98%
48,562	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	79,709	106,836	0.54%
87,700	MCT BHD	102,440	70,160	0.36%
63,749	SIME DARBY PROPERTY BHD	90,391	76,499	0.39%
81,500	TITIJAYA LAND BHD	161,775	115,730	0.59%
124,400	YONG TAI BHD	148,173	186,600	0.95%

# BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

## 04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>PERLADANGAN</b>				
101,500	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	158,272	175,595	0.89%
33,600	GENTING PLANTATIONS BHD	375,221	352,800	1.79%
73,700	IOI CORP BHD	334,266	328,702	1.67%
9,000	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	217,182	219,420	1.11%
63,749	SIME DARBY PLANTATION BHD	336,276	319,382	1.62%
<b>PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN</b>				
88,453	AXIATA GROUP BHD	486,892	471,454	2.39%
71,300	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	60,099	26,738	0.14%
52,900	BERMAZ AUTO BHD	109,330	108,445	0.55%
156,400	CENTURY LOGISTICS HOLDINGS BHD	159,366	159,528	0.81%
157,716	DIALOG GROUP BHD	277,431	380,096	1.93%
66,000	GEORGE KENT (M) BHD	222,001	229,680	1.16%
147,700	MALAKOFF CORP BHD	202,830	137,361	0.70%
32,300	MAXIS BHD	209,157	191,539	0.97%
30,300	MBM RESOURCES BHD	86,133	64,236	0.33%
25,900	MISC BHD	201,576	182,595	0.93%
161,099	MMC CORP BHD	360,309	322,198	1.63%
335,300	OCC GROUP BHD	290,337	291,711	1.48%
54,700	POS MALAYSIA BHD	218,619	289,910	1.47%
72,100	PRESTARIANG BHD	63,566	102,382	0.52%
82,600	SAPURA ENERGY BHD	149,415	103,250	0.52%
136,300	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	231,904	436,160	2.21%
51,149	SIME DARBY BHD	90,791	120,200	0.61%
107,574	SUNWAY BERHAD	156,235	175,346	0.89%
102,100	TALIWORKS CORP BHD	146,830	109,247	0.55%
44,837	TELEKOM MALAYSIA BHD	283,679	270,367	1.37%
82,600	TENAGA NASIONAL BHD	1,066,076	1,276,996	6.47%
48,100	UEM EDGENTA BHD	144,534	127,465	0.65%
75,700	UZMA BHD	138,617	112,036	0.57%
<b>TEKNOLOGI</b>				
13,300	KESM INDUSTRIES BHD	141,973	259,084	1.31%
14,100	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	188,735	182,454	0.92%
48,200	UNISEM (M) BERHAD	188,510	172,556	0.87%
18,400	VITROX CORP BHD	36,272	100,463	0.51%
<b>4,798,492</b>		<b>12,705,011</b>	<b>13,234,945</b>	

**BUTIRAN PELABURAN** (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT\***

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
200,000	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BHD	AA2	209,020	208,700	1.06%
<b>200,000</b>			<b>209,020</b>	<b>208,700</b>	

**WARAN, TSR**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
5,900	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDING BHD	-	1,711	0.01%
6,366	GAMUDA BHD	1,592	7,448	0.04%
27,000	KNM GROUP BHD	-	1,485	0.01%
4,062	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	1,361	0.01%
9,459	SUNWAY BERHAD	-	5,486	0.03%
8,000	TALIWORKS CORP BHD	-	640	0.00%
<b>60,787</b>		<b>1,592</b>	<b>18,131</b>	

\* *Malaysia Airports Holdings Bhd ("MAHB") yang dikelaskan di bawah ekuiti diluluskan Syariah tidak tercatat merujuk kepada Sukuk Subordinat Kekal MAHB bagi Dana A-Dana Income dan Dana A-Dana Balanced.*

# KENYATAAN PIHAK PENGURUS

Kami, Dato' Thomas Mun Lung Lee dan Anusha A/P Thavarajah, dua orang Pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 33 hingga 40 telah disediakan menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan *Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi pihak Pengurus,

Dato' Thomas Mun Lung Lee  
Pengarah

Anusha A/P Thavarajah  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
20 Februari 2018

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil AIA PUBLIC Takaful Bhd.:

**Dana A-Dana Equity**

**Dana A-Dana Income**

**Dana A-DALI Equity**

**Dana A-Dana Balanced**

(selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

## LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN

### Pendapat

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana yang mengandungi penyata-penyata aset dan liabiliti sepertimana pada 30 November 2017, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata perubahan dalam nilai bersih aset Dana bagi tahun kewangan berakhir dan nota-nota penjelasan kepada maklumat kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan di mukasurat 33 hingga 40.

